

Headline	BMW 5 Series Hybrid kegunaan TNB di CEPSI 2018		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	15
ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,017		



## BMW 5 Series Hybrid kegunaan TNB di CEPSI 2018

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** – BMW Group Malaysia menyerahkan BMW 5 Series Hybrid berteknologi eDrive kepada Tenaga Nasional Bhd. (TNB) untuk digunakan dalam Persidangan Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) 2018.

Kenderaan tersebut akan digunakan sebagai kereta rasmi persidangan itu yang akan berlangsung dari 17 hingga 22 September ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, dengan BMW sebagai rakan rasmi e-Mobiliti.

Kereta terbabit diserahkan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BMW Malaysia, Harald Hoelzl kepada Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab. Rahman.

Mengulas mengenai kerjasama dengan TNB dan CEPSI 2018 itu Hoelzl berkata, ia mencerminkan usaha BMW Malaysia untuk menjadi rakan kongsi utama dalam menransformasikan industri elektro mobiliti tempatan dan cita-cita negara dalam pembangunan mapan.

“Kami sedia bertukar keparisan dan pandangan bersama pakar terkemuka dalam industri, selain mendapatkan lebih pengertuan daripada pemimpin di CEPSI untuk membentuk Malaysia yang lebih baik,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

CEPSI merupakan persidangan dan pameran industri pembeka-

ian elektrik paling penting dan berprestij di Asia Timur dan rantau Pasifik Barat di bawah selian Persatuan Industri Pembekalan Elektrik Asia Timur dan Pasifik Barat (AESIEAP).

Bertemakan ‘Membayangkan semula Utiliti Masa Hadapan’, persidangan itu akan menumpukan kepada senario semasa bagaimana industri pembekalan elektrik mengalami transformasi ekoran kemunculan dan pembangunan akibat gangguan teknologi, perubahan ekonomi, keperluan kemapanan dan peraturan yang berubah pesat, serta pertambahan jangkaan pelanggan.

Dalam pada itu Roslan berkata, kereta-kereta yang ditaja oleh BMW itu akan digunakan untuk mengangkut VVIP dan Ahli Majlis Eksekutif AESIEAP sepanjang persidangan selama lima hari terbabit.

“Kerjasama mobiliti adalah tepat pada masanya ketika kenderaan elektrik (EV) menjana revolusi perubahan dalam pengangkutan di seluruh dunia.

“TNB melalui anak syarikat milik penuh kami, TNB Energy Services Sdn. Bhd. bekerjasama dengan Malaysian Green Technology Corporation untuk menyampaikan perkhidmatan bersepadu kepada pemilik EV di Malaysia,” jelasnya.

Headline	BMW 5 Series Hybrid kegunaan TNB di CEPSI 2018		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	15
ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,017		

